

L A P O R A N T A H U N A N 1 9 9 2



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

KANDUNGAN

MAKLUMAT SYARIKAT

• • • • • • • • • •

2 - 3

Ahli Lembaga Pengarah 1992

4 - 5

Ahli Pengurusan

6

Carta Organisasi

7

Struktur Korporat

8 - 14

Penyata Pengerusi

16

Peristiwa Sepanjang 1992

PENYATA KEWANGAN

• • • • • • • • • •

18

Penyata oleh Pengarah

19

Penyata oleh Pegawai Utama

20 - 21

Sijil Ketua Audit

22 - 23

Kunci Kira-Kira

24 - 25

Penyata Untung/(Rugi)

26 - 27

Penyata Perubahan Kedudukan Kewangan

28 - 44

Nota-nota Penyata Kewangan

GAMBAR KULIT

PINTU KOTA SULTAN ISMAIL PETRA MERUPAKAN MERCU TANDA KOTA BHARU KOTA BUDAYA. IA MELAMBANGKAN SATU ERA BARU PENGLIBATAN PERBADANAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI KELANTAN. PINTU KOTA INI TELAH DIRASMIKAN OLEH KDYMM AL-SULTAN KELANTAN PADA 25HB. JULAI 1992.

**AHLI
LEMBAGA
PENGARAH
1992**



**YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
Menteri Besar Kelantan**

YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
Menteri Besar Kelantan

YB Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman
Timbalan Menteri Besar Kelantan

YB Tuan Haji Mohd Rozali bin Isohak
Timbalan Menteri Besar Kelantan

YB Dato' Haji Wan Hashim bin Wan Ahmad
Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan

YB Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad
Ahli Parlimen Pengkalan Chepa

YB Dato' Haji Hassan bin Yusoff
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YB Dato' Haji Abdul Razak bin Salleh
Pegawai Kewangan Negeri

YM Dato' Tengku Zainal Adlin bin Tengku Mahmood
Timbalan Pengarah Yayasan Sabah

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Nordin bin Zakaria
Ahli Perniagaan

En Mohd Sinon bin Mudzakir
Ketua Penolong Setiausaha
Kementerian Perusahaan Awam

Puan Zainun Aishah binti Dato' Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan MIDA)

En Mohammad bin Yunus
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Belanjawan Perbendaharaan Malaysia

Tuan Haji Wan Abdul Rashid bin Haji Wan Ishak
Pengurus Besar

**AHLI
PENGURUSAN**



**YABrs. Tuan Haji Wan Abdul Rashid bin Haji Wan Ishak
Pengurus Besar**

Tuan Haji Wan Abdul Rashid bin Haji Wan Ishak
Pengurus Besar

Tuan Haji Ismail bin Yusoff
Timbalan Pengurus Besar

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Hussain
Pengurus Kanan Kewangan

Puan Hajjah Rosneli binti Kundor
Pengurus Audit Dalam

Tuan Haji Nik Mustapha bin Muhamad
Pengurus Kanan Operasi

Encik Abdul Rashid bin Ibrahim
Pengurus Galakan Pelaburan

Encik Jumodi bin Abdullah
Pengurus Projek Khas


Tuan Haji Abas bin Salleh
Pengurus Hal Ehwal Korporat

Tuan Haji Nik Muhammad bin Nik Abdul Kadir
Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia

Encik Zainal bin Abdul Rahim
Pengurus Teknik

Encik Abdul Aziz bin Abdul Rahman
Pengurus Pertanian

**CARTA ORGANISASI
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD
NEGERI KELANTAN 1992**




STRUKTUR KORPORAT PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

(Pada 31hb. Disember 1992)

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Nota Angka
menunjukkan peratus
pegangan ekuiti



PENYATA PENGURUSI

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang.

Alhamdulillah, sama-sama kita mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan limpah izinNya yang sentiasa memberi keberkatan ke atas setiap usaha kita dalam memikul tanggungjawab serta meneruskan cabaran dan perjuangan dalam konteks mempertingkatkan kesejahteraan hidup Ummah.

Bagi pihak Lembaga Perbadanan, sekali lagi saya memanjangkan rasa syukur ke Hadrat Illahi kerana dapat membentangkan Laporan Tahunan PKINK bagi Tahun Kewangan 31 Disember 1992.

Sejajar dengan hasrat kerajaan Negeri yang berteraskan prinsip Islam, Perbadanan berusaha mengadakan pelbagai aktiviti untuk memajukan ekonomi negeri.

Tumpuan utama Perbadanan dalam tahun 1992 masih berkisar kepada beberapa sektor utamanya iaitu Sektor Hartanah, Pertanian dan Pelancongan. Adalah dijangkakan sektor-sektor ini yang telah diberi perhatian khusus dapat merealisasikan berbagai-bagai projek yang berdaya maju serta mampu memberi pulangan yang menggalakkan kepada Perbadanan.

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 1992, Perbadanan telah memperolehi jumlah pendapatan sebanyak RM16.355 juta berbanding dengan tahun 1991 sebanyak RM15.628 juta iaitu pertambahan sebanyak 4.60%.

Dari jumlah tersebut, hasil sewaan bangunan milik Perbadanan telah menyumbangkan pendapatan sebanyak RM 7.331 juta berbanding tahun 1991 sebanyak RM 7.006 juta iaitu pertambahan sebanyak 4.56%. Sementara itu, projek-projek pembangunan Perbadanan telah menyumbangkan pendapatan sebanyak RM 2.824 juta.

Dalam tahun 1992 juga, pendapatan bukan operasi Perbadanan berjumlah RM 6.198 juta berbanding tahun 1991 sebanyak RM 5.244 juta iaitu pertambahan sebanyak 18.11%

Dalam tahun 1992, Perbadanan telah dapat mengurangkan keseluruhan Belanja Operasi kepada

RM 15.212 juta, kurang sebanyak RM 1.459 juta berbanding dengan tahun sebelumnya. Perbelanjaan terbesar Perbadanan ialah Belanja Mengurus iaitu sebanyak RM 7.045 juta yang meningkat sebanyak RM 0.937 juta berbanding dengan RM 6.107 juta dalam tahun 1991. Perbadanan telah mencatatkan keuntungan terkumpul sebanyak RM 31.192 juta berbanding RM 30.150 juta dalam tahun 1991 iaitu pertambahan sebanyak 3.44%.

TINJAUAN OPERASI

Bagi tujuan mempertingkatkan hasil dan pendapatan, Perbadanan telah melipatgandakan usaha serta penyusunan semula perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Dengan mengambil sikap berhati-hati dan mengamalkan dasar berjimat cermat dalam berbelanja, Perbadanan mampu mengawal dan mengurangkan kos operasi. Seterusnya, Perbadanan terus mempertingkatkan peranan dalam membangunkan sektor perindustrian, pertanian dan pelancongan yang dijadikan inti dalam menyumbangkan pendapatan ekonomi negeri. Perkembangan positif di dalam ketiga-tiga bidang telah memperbanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan, di samping memantapkan lagi kedudukan ekonomi dan menentukan kepesatan perkembangannya. Permintaan terhadap kawasan industri yang kian meningkat telah membuktikan yang negeri ini masih diminati oleh para pelabur dari dalam dan luar negeri.


Selain dari pelabur-pelabur baru, Perbadanan turut menerima banyak permohonan daripada para pelabur yang sedia ada untuk terus menebarkan sayap serta mempertingkatkan lagi operasi mereka. Seterusnya, Perbadanan telah menjalankan kerjasama dan hubungan erat dengan sektor swasta. Hubungan erat ini telah memberi peluang sepenuhnya kepada Perbadanan untuk merancang strategi perlaksanaan yang sekaligus memperkemaskin kedudukan dan fungsinya sebagai agen pembangunan ekonomi negeri.

Memandangkan pertanian komersil mempunyai potensi yang cerah untuk diterokai dan dimajukan, Perbadanan terus melipatgandakan usaha serta mempertingkatkan penglibatannya dalam bidang ini, terutamanya menerusi usahasama dengan agensi swasta sama ada dari dalam dan luar negara.

Dari segi pembinaan rumah-rumah kediaman dan perkedaihan pula, Perbadanan melalui syarikat anaknya, Binaraya PKINK Sdn. Bhd. telah berusaha seberapa daya untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat.


ANALISA PENDAPATAN PKINK


Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1992



ANALISA PERBELANJAAN PKINK

Bagi tahun berakhir 31 Disember 1992





PERTANIAN

Sebagai persediaan awal ke arah menerokai bidang pertanian komersil, Perbadanan telah menyusun pelbagai strategi dan rancangan untuk tempoh lima dan sepuluh tahun. Bahagian Pertanian Perbadanan telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja kaji selidik dan memajukan beberapa

PERINDUSTRIAN

Dalam usaha untuk menarik pelaburan asing dan tempatan ke Negeri Kelantan, Perbadanan telah mempertingkatkan lagi kerja-kerja penggalakkan dan mempromosikan kawasan perindustrian di Kelantan yang merangkumi Kawasan Pengkalan Chepa I & 2, Gua Musang, Tanah Merah dan Jeli.



Kawasan perindustrian Pengkalan Chepa 11

kawasan pertanian yang berpotensi. Beberapa projek yang berbentuk kajian dan percubaan telah mulakan operasi. Di antaranya ialah Projek Ternakan Udang Harimau di Pulau Timun, Tumpat dengan pertambahan kolam ternakan dari sembilan kepada limabelas buah kolam yang merangkumi kawasan seluas 70 ekar. Projek Pusat Penetasan Benih Udang Harimau pula telah dirancang untuk dilaksanakan di tanah kerajaan seluas 3 ekar bertempat di Pantai Kuala Kemasin, Bachok. Sementara itu, Projek Pendidiran Benih Ikan Siakap pula turut dimulakan di kawasan seluas 3 ekar bersebelahan dengan Projek Penetasan Udang Harimau dan dijangka akan memperolehi status projek untung dalam jangka masa pendek.


Hasil daripada kerjasama erat antara Perbadanan dan Kerajaan Negeri jualan tapak industri telah meningkat dan cukup membanggakan. Seterusnya, sebanyak lapan buah syarikat lagi telah membeli dan mulakan operasi perkilangan di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II yang dengan secara langsung telah menjanjikan lebih dari 1,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.




Projek ternakan udang harimau di Pulau Timun, Tumpat.

Dalam tahun 1992 juga seluas dua ratus ekar tanah telah diambil balik dan dimajukan sebagai kawasan perusahaan tambahan di Gua Musang. Apa yang paling ketara ialah kerja-kerja pembesaran kilang-kilang yang sedia ada seperti Eastern Garment Sdn. Bhd., Rohm Wako Sdn. Bhd., Sri Rampai (M) Sdn. Bhd. serta Thong Guan Plastic yang telah menyumbangkan pertambahan pelaburan sebanyak RM 50.0 juta, di samping pertambahan lebih 2,000 peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

PEMBALAKAN



Kawasan konsesi hutan Kompleks Perkayuan Kelantan.



Longgokan kayu balak sedia untuk diekspot.

Bermula dari tahun 1991 dan sepanjang tahun 1992, tidak ada kawasan pembalakan baru yang diperuntukkan kepada Perbadanan. Walau bagaimanapun Perbadanan terus memberi kebenaran kepada beberapa pembalak kecil untuk mengambil saki baki balak yang masih ada dalam tanah milik Perbadanan. Pengurusan konsesi hutan Kerajaan Negeri telah menyumbangkan sejumlah RM 132,615.00 tribute kepada Perbadanan. Untuk mempertingkatkan hasil pendapatan melalui pembalakan, Perbadanan melalui syarikat anaknya iaitu Kompleks Perkayuan Kelantan sedang mengatur rancangan untuk mengusahakan sendiri kawasan-kawasan yang diperolehi.

PELANCONGAN

Pelancongan merupakan industri utama negeri ini dengan jumlah pelancong seramai 1,090,682 orang berbanding seramai 971,729 orang dalam tahun 1991 iaitu pertambahan sebanyak 12.34%. Pertambahan yang menggalakkan ini telah memberi peluang dan mendorong Perbadanan untuk melabur dalam bidang ini terutamanya bidang perhotelan dan pembinaan rangkaian perkedaian di kawasan tarikan pelancong di seluruh negeri.

PERLOMBONGAN



Perlombongan emas di sungai Ketil, Jeli.

Unit Perlombongan yang baru sahaja ditubuhkan telah bertindak sebagai 'catalyst' ke arah mempertingkatkan lagi perusahaan perlombongan di Kelantan. Di peringkat awal operasi unit ini, Perbadanan telah dapat mengumpul kutipan royalti perlombongan emas sebanyak RM 225,374 melalui beberapa buah syarikat perlombongan yang telah mulakan operasi mereka.



Berhasil... ayakan emas.



Kampong kraftangan Kelantan.

Aktiviti Syarikat Anak



Perumahan Desa Kemuning, Pengkalan Chepa.

Kumpulan syarikat anak merupakan akar umbi kepada Perbadanan sebagai sebuah badan induk yang sentiasa berusaha dalam mengembangkan ekonomi negeri.

Kebanyakan syarikat anak yang ditubuhkan telah mempelbagaikan aktiviti mereka yang merangkumi pembinaan projek-projek perumahan dan pekerjaan yang dikendalikan oleh Binaraya PKINK Sdn. Bhd., perusahaan kuari diuruskan oleh Kijang Kuari Sdn. Bhd., Kelkon Sdn. Bhd., pula mengurus aktiviti-aktiviti pembinaan, Kleartex Sdn. Bhd., menerokai bidang pengeluaran serta pengedaran sarung tangan getah, manakala Prokel Management Sdn. Bhd., menguruskan bangunan-bangunan milik Perbadanan. Bermula dalam tahun 1992 ini juga, Perbadanan telah menuahkan Ar-Rahn, syarikat terulung yang mengendalikan sistem gadaian Islam untuk mengikis unsur-unsur riba.

Kesemua syarikat anak sebagaimana di atas telah diletakkan di bawah pengurusan dan penyelarasan satu syarikat induk iaitu Permodalan Kelantan Berhad yang turut juga menyediakan khidmat kesetiausahaan yang telah secara langsung membantu melicinkan urusan syarikat-syarikat di bawah kawalannya.

Hotel Perdana dan Perdana Resort adalah hotel milik penuh Perbadanan. Sebagai satu-satunya hotel yang bertaraf antarabangsa di negeri ini, Hotel Perdana dan Perdana Resort begitu prihatin dengan keadaan semasa dan selera para pelanggan mereka. Bukan sekadar bilik-bilik penginapan yang diberi keutamaan malah semua keperluan dan kelengkapan

sebagai hotel penginapan mewah yang merangkumi restoran, gimnasium, rekreatif, kolam renang, kompleks sukan dan dewan-dewan untuk pelbagai majlis dan acara yang dilengkapi dengan peralatan terkini turut diberi perhatian.

Untuk menerokai bidang pertanian komersil, Permodalan Kelantan Berhad telah mengadakan usahasama dengan Pernas Securities dalam pembukaan Ladang Serasa Sdn. Bhd., di Gua Musang, seluas 6,000 ekar yang ditanam dengan kelapa sawit menerusi pembangunan Projek Fasa I dan seluas 6,000 ekar lagi akan dilaksanakan menerusi Projek Fasa II.

Perusahaan Tembakau Kelantan (PTK) turut menambah aktiviti syarikat iaitu dengan penubuhan rangkaian Kedai Ayamurni yang mengendalikan kerja-kerja pemeliharaan, pemerosesan dan pembekalan ayam halal ke seluruh negara.



Pemotongan mengikut tempahan.

Cabaran dan Harapan

Tidak ada kejayaan dan kecemerlangan yang dapat diraih selagi kita tidak sanggup berusaha menghadapi persaingan yang sentiasa getir. Kita tidak perlu lagi bertatih tetapi perlu tabah dan tega untuk memecut agar seimbang dengan agensi-agensi lain yang telah berada jauh di hadapan. Menyedari hakikat ini, Perbadanan sebagai 'Penggerak Pembangunan Ummah' telah mengambil langkah-langkah wajar yang memantapkan kedudukan serta pertingkatkan keupayaan dalam meneruskan daya saing dalam semua bidang.

Dalam hubungan ini juga, Perbadanan telah melaksanakan pelbagai projek yang membolehkan Perbadanan berdikari, di samping meninjau potensi dalam bidang yang boleh memberi keuntungan di masa hadapan.

Impian dan hasrat semua pihak yang ingin melihat negeri Kelantan berada di tahap yang sepatutnya malah menjadi agensi contoh telah menjadi inspirasi kepada Perbadanan untuk terus mempertingkatkan kemampuan daya pengurusan dan produktiviti para anggotanya yang sentiasa dinamik untuk menerokai segenap bidang malah memenuhi setiap ruang dan peluang.

Bagi pihak Lembaga Perbadanan saya merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Agensi-agensi kerajaan dan swasta di atas segala bentuk sokongan, bantuan dan kerjasama yang telah diberikan. Semoga segala bentuk persefahaman akan terus berpanjangan, membentuk keharmonian dan ketulusan dalam 'Penggerak Pembangunan Ummah'.

Sekian, wassalam.


**Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat
Menteri Besar Negeri Kelantan Darulnaim
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan.**



BANGUNAN
PKINK

Penggerak
Pembangunan
Ummah

PERISTIWA SEPANJANG 1992

Anugerah Kecemerlangan Menteri Perusahaan Awam

Tiga syarikat anak PKINK iaitu Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK), Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dan Hotel Perdana Sdn. Bhd. telah dicalonkan untuk merebut Anugerah Kecemerlangan Menteri Perusahaan Awam. Kompleks Perkayuan Kelantan yang telah dipilih sebagai salah sebuah daripada tujuh buah syarikat terbaik untuk anugerah tersebut sudah cukup untuk memberi peranggang kepada semua syarikat anak untuk melipatgandakan usaha, mempertingkatkan mutu pengurusan, merancang projek dengan lebih strategik dan akhirnya muncul sebagai sebuah syarikat yang cemerlang.

Usaha Pembebasan Dari Cengkaman Riba

Pada 12 Mac 1992, Ar-Rahn sebuah syarikat gadaian Islam telah memulakan operasinya. Ar-Rahn merupakan sebuah syarikat terulung yang mengendalikan sistem gadaian Islam yang telah secara langsung membantu umat Islam yang mengalami masalah kewangan, namun bebas dari cengkaman riba yang berpanjangan.

Perjumpaan DPPMK - PKINK

PKINK sebagai pemikul mandat perlaksanaan 'Resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ke -3' telah menganjurkan perjumpaan dengan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Kelantan (DPPMK) pada 18 Mac 1992.

Di antara persetujuan yang dicapai dalam perjumpaan ini ialah:-

1. Menubuhkan satu jawatankuasa bertindak bersama antara PKINK dan DPPMK
2. DPPMK akan mengkaji dan meneliti tawaran pengswastaan Syarikat-syarikat Anak serta usahasama dengan PKINK.
3. PKINK akan mengurangkan aktiviti yang memberi saingan kepada peniaga/pengusaha Bumiputera.
4. Mengadakan perjumpaan yang lebih kerap dalam membincangkan dan menyelesaikan pelbagai isu serta masalah semasa.

Lawatan Pelaburan Ke Taiwan dan Hong Kong

Pada 6 Jun 1992, PKINK yang telah diketuai oleh Timbalan Pengurus Besarnya yang menyertai misi pelaburan ke Taiwan dan Hong Kong anjuran MIDA. Semasa di sana, wakil PKINK telah membuat beberapa siri penerangan dan perbincangan langsung dengan beberapa buah syarikat yang berpotensi serta menaruh minat untuk menjalinkan kerjasama pelaburan dan pelancongan dua hala dengan PKINK.

Kajian Semula Struktur Organisasi

Bermula pada Oktober 1992, pihak pengurusan PKINK telah memilih Arab Malaysian Merchant Bank sebagai pakai perunding untuk membuat kajian dan penilaian terperinci mengenai keberkesanan struktur organisasi PKINK dan Kumpulan Syarikat Anak. Dengan ini diharapkan pihak pengurusan akan mendapat garis panduan yang positif ke arah menyusun perancangan pengurusan yang lebih strategik dan dinamik.

Misi Perdagangan Ke Iran

Seramai tiga orang Eksekutif Kanan Syarikat-syarikat Anak Kumpulan PKINK telah menyertai Misi Perdagangan ke Republik Islam Iran pada 28 November 1992. Misi yang diketuai oleh YB Tuan Haji Abdul Halim Ab. Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan ini bertujuan untuk mencari pasaran dan rakaniaga dalam usaha menembusi pasaran antarabangsa yang lebih meluas bagi produk keluaran Syarikat-syarikat Kumpulan PKINK khusus bahan-bahan keluaran dari getah, kayu dan makanan siap.



PENYATA KEWANGAN

PENYATA OLEH PENGARAH

Kami YB TUAN GURU HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT dan WAN ZULKIFLE BIN WAN YUSOFF, yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Kunci Kira-kira Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan Dalam Kedudukan Kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PKINK pada 31 Disember 1992 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang terakhir pada tarikh tersebut'.

Bagi Pihak Lembaga:

Y.A.B TUAN GURU HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT
PENGARAH

WAN ZULKIFLE BIN WAN YUSOFF
KETUA EKSEKUTIF

Bertarikh : 23 Mac 1993
KOTA BHARU

**PENYATA OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

Saya **WAN ZULKIFLE BIN WAN YUSOFF**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-Kira Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan dalam kedudukan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan ke atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kota Bharu)
pada 23 Mac 1993)


WAN ZULKIFLE BIN WAN YUSOFF

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
AKAUN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1992**

Penyata kewangan seperti di muka surat 22 hingga 44 telah diperiksa oleh Tetuan Abu Bakar Rajudin & Co., Aktaun Penyata kewangan Perbadanan adalah berdasarkan kepada akaun Perbadanan sahaja tidak menyatakan akaun syarikat anaknya sepetimana yang dinyatakan dalam nota 2 (b) kepada akaun. Amalan ini tidak selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS)3.

PENYATUAN AKUAN

2. Penyata kewangan Perbadanan adalah berdasarkan kepada akaun Perbadanan sahaja tidak menyatakan akaun syarikat anaknya sepetimana yang dinyatakan dalam nota 2 (b) kepada akaun. Amalan ini tidak selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS)3.

HARTA SEMASA

SIMPANAN BERJANGKA

3. Simpanan berjangka berjumlah RM2,195,000 di lima buah bank tidak dapat disahkan kerana Sijil Pengesahan tidak diterima.

JUMLAH TERHUTANG OLEH SYARIKAT ANAK DAN BERSEKUTU
JUMLAH PINJAMAN OLEH SYARIKAT ANAK DAN BERSEKUTU

4. Perbandingan antara rekod Perbadanan dengan akaun beraudit atau pengesahan daripada 12 syarikat-syarikat anak dan bersekutu menunjukkan baki pinjaman dan pendahuluan yang terhutang berbeza sebanyak RM8,586,169. Juga, empat syarikat dengan hutang berjumlah RM2,332,235 tidak mengesahkan hutangnya.

PERTARUHAN DAN PENDAHULUAN PROJEK

PENDAHULUAN BAYARAN KEMAJUAN PROJEK

5. Sejumlah RM5,263,849 dari RM31,116,584 merupakan bayaran yang diterima dari lima pembeli yang mana proses pindah milik tanah dan semua bayaran telah disempurnakan semenjak tahun 1989. Walau bagaimanapun keuntungan atau kerugian dari penjualan ini belum diambilkira dalam akaun.

PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

6. Penyata kewangan Perbadanan dikemukakan untuk diaudit pada 26 Mac 1994. Ini adalah bertentangan dengan kehendak Akta Pemperbadanan (Kekompetenian Badan Perundangan Negeri) 1962 yang memerlukan penyata kewangan Perbadanan disediakan dalam masa enam bulan selepas tarikh akhirnya tahun kewangan.

Tertakluk kepada pemerhatian dalam perenggan 2 hingga 5 tersebut di atas, pada pendapat saya:-

- (a) penyata kewangan tersebut menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan pada 31 Disember 1992 dan urusan berkaitan dengannya serta perubahan dalam kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh itu, dan
- (b) rekod-rekod perakaunan serta daftar-daftar berkaitan telah diselenggara dengan memuaskan.

.....
(C. NESARAJAH)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUALA LUMPUR

15 SEPTEMBER 1994

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 1992

	Nota	1992 (RM)	1991(RM)
Harta Tetap	18	123,038,374	126,816,882
Pinjaman Jangka Panjang Oleh Syarikat Anak	8	26,955,409	25,894,621
Perbelanjaan Pembangunan (Harta)	17	6,326,260	5,386,863
Pelaburan Modal	16	69,680 ,873	68,080,873
Siberhutang Rumah Pangsa	19	257,343	533,141

HARTA SEMASA

Wang Di Bank dan Di Tangan	3	3,695,568	740,143
Simpanan Berjangka	4	14,745,000	5,945,000
Portfolio Pelaburan	5	9,284,991	9,065,249
Siberhutang Perniagaan	6	2,723,265	2,078,470
Jumlah Terhutang Oleh Syarikat Anak/Bersekutu	7	19,662,846	20,066,344
Pinjaman Kepada Syarikat Anak Dan Bersekutu	8	44,694,179	41,945,612
Barang Niaga	9	23,745,308	23,745,343
Lain-lain Siberhutang	10	1,730,639	1,671,242
Kerja-kerja Dalam Pembangunan (Jualan)	11	104,043,293	93,157,419
Pelbagai Pinjaman Terdahulu	12	5,818,834	4,838,369
Pinjaman Kepada Kakitangan		362,597	310,178
Pertaruhan dan Deposit		64,423	55,309
Stok		-	-
		230,570,943	203,618,678

Penyata ini hendaklah dibaca bersekali dengan nota 1—27

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 1992**TOLAK : TANGGUNGAN SEMASA**

	Nota	1992 (RM)	1991 (RM)
Sipuitang Perdagangan		295,463	344,157
Lain-lain Sipuitang		1,267,824	1,118,440
Pinjaman Kerajaan Pusat	13	190,936,722	154,673,605
Pinjaman Kerajaan Negeri	14	13,781,337	13,781,337
Pertaruhan dan Pendahuluan Diterima	15	52,107,799	36,674,390
Peruntukan Cukai		12,007	-
		258,401,152	206,591,929
HARTA/(TANGGUNGAN) SEMASA BERSIH		(27,830,209)	(2,973,251)
		198,428,050	223,738,129

DIBIAYAI OLEH:

Sumbangan Kerajaan		1,400,000	1,400,000
Keuntungan/(Kandungan) Terkumpul selepas Belanja Projek Sosial		31,192,657	30,150,257
Pinjaman Kerajaan (Pusat) Jangka Panjang	13	138,654,325	165,007,804
Pinjaman Kerajaan (Negeri)	14	26,712,866	26,712,866
Pertaruhan Jangka Panjang		468,202	468,202
		198,428,050	223,739,129

Penyata ini hendaklah dibaca bersekali dengan nota 1—27

**PENYATA UNTUNG/(RUGI) BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 1992**

PENDAPATAN	Nota	1992 (RM)	1991 (RM)
Keuntungan Kasar Jualan Projek Pembangunan	20	2,824,819	3,378,297
Sewaan		7,331,835	7,006,599
Dividen		590,941	951,673
Keuntungan Portfolio Pelaburan (Simpanan)		1,041,534	688,506
Hasil dari Pinjaman		2,515,407	2,764,531
Hasil Perhutanan (Perkhidmatan)		132,615	249,693
Royalti Perlombongan		225,374	66,287
Yuran Perkhidmatan (Teknikal)		771,750	449,200
Keuntungan Jualan Saham		740,634	-
Lain-lain Pendapatan		180,250	74,168
		16,355,159	15,628,954
 PERBELANJAAN			
Belanja Mengurus	21	7,045,335	6,107,789
Belanja Kewangan	22	5,971,037	6,995,500
Susutnilai	23	1,745,828	1,695,473
Hapuskira Pendahuluan	24	-	1,257,946
Hutangragu (Simpanan Tetap)	25	450,000	200,000
Rosotnilai Pelaburan	26	-	415,414
		15,212,200	16,672,122
 Keuntungan / (Kerugian) Operasi sebelum nilai-nilai pendapatan & butiran luar biasa		1,142,959	(1,043,168)

	Nota	1992 (RM)	1991 (RM)
Lain-lain Pendapatan			
Lebihan/(Kurangan) Belanja Unit Pelancongan PKINK		(9,273)	(146,406)
Pelarasan Akaun Unit Makanan Ringan		-	67,836
Butiran Luar Biasa		-	-
 Keuntungan/(Kerugian) Bersih Operasi Tahun Semasa		1,133,686	(1,121,738)
 Keuntungan/(kerugian) terkumpul Bawa Ke Hadapan		30,150,257	31,271,995
 Pelarasan Tahun Kebelakangan	27	(91,286)	-
 Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul		31,192,657	30,150,257

**PENYATA PERUBAHAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1992**

Punca Dana	1992 (RM)	1991 (RM)
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Operasi Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana: Susutnilai Harta	1,333,686	(1,121,738)
Kurangan Peruntukan Susutnilai Harta	(96,102)	-
Peruntukan Cukai Pembangunan	(12,007)	-
Kekurangan Peruntukan Dividen Terima	16,823	-
	2,788,228	573,735
Lain-lain Punca Dana		
Tambahan Pinjaman Kerajaan (Semasa)	36,263,117	42,756,027
Kurangan Siberhutang Rumah Pangsa	275,798	418,078
Kurangan Pinjaman Berjangka Oleh Syarikat Anak/Bersekutu	403,498	5,390,151
Kurangan Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan (Harta)	-	1,274,127
Kurangan Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan (Jualan)	-	2,940,273
Kurangan Siberhutang Perniagaan	-	518,564
Kurangan Stok	-	585
Kurangan Barangniaga	35	1,913,735
Kurangan Lain-lain Berhutang	-	826,945
Kurangan Pertaruhan/Deposit	-	48,765
Tambahan Sipuitang Perdagangan	-	124,209
Tambahan Lain-lain Sipuitang	149,384	147,719
Tambahan Lain-lain Sipuitang	15,433,409	-
Kurangan Harta	2,032,680	-
Tambahan Cukai	12,007	-
	57,358,156	56,932,913

Penggunaan Dana

Tambahan Perbelanjaan Pembangunan (Harta)	939,397	-
Tambahan Dalam Portfolio Pelaburan	219,742	900,000
Tambahan Jumlah Terhutang Syarikat Anak/Bersekutu	-	2,180,951
Tambahan Pinjaman Jangka Pendek Oleh Syarikat Anak/Bersekutu	2,748,567	5,223,386
Tambahan Pinjaman Terdahulu	980,465	746,606
Tambahan Pinjaman Kenderaan Oleh Anggota PKINK	52,419	113,080
Kurangan Pertaruhan dan Pendahuluan Yang Diterima	-	7,777,841
Tambahan Pelaburan Modal	1,600,000	905,845
Tambahan Harta Tetap	-	7,244,998
Tambahan Pertaruhan/Deposit	9,114	-
Kurangan Sipuitang Perniagaan	48,694	-
Tambahan Pinjaman Oleh Syarikat Anak	1,060,788	-
Tambahan Pelbagai Siberhutang	59,397	-
Tambahan Siberhutang Perniagaan	644,795	-
Tambahan Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan (Jualan)	10,885,874	-
Kurangan Pinjaman Kerajaan (Jangka Panjang)	26,353,497	32,565,049
	45,602,731	57,657,757

Perubahan Dalam Dana Cair Bersih:

Wang di tangan & Bank	2,955,425	(2,274,844)	
Simpanan Tetap	8,800,000	11,755,425	1,550,000
			(724,844)
	57,358,156		56,932,913

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1992

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan telah ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri dengan tujuan membangunkan sosio ekonomi Negeri berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan-kegiatan utama Perbadanan adalah membangunkan tanah-tanah untuk perindustrian, pertanian, harta tanah dan pelaburan saham.

Perbadanan juga bergiat di dalam bidang perkilangan, perkhidmatan, pertanian, perlombongan dan pembalakan melalui pelaburan di dalam Syarikat Anak, Syarikat Bersekutu dan pelaburan dalam saham tersiar harga.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) ASAS PERAKAUNAN

Akaun-akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

b) AKAUN DISATUKAN

Penyata ini disediakan adalah diasaskan kepada akaun Perbadanan sahaja tidak termasuk akaun syarikat-syarikat anak Perbadanan.

c) SUSUTNILAI

Susutnilai tidak diperuntukan bagi tanah milik bebas dan tanah pajakan kerana kos tanah tersebut akan dijadikan sebahagian dari kos projek. Bagi kesemua harta tetap yang lain, susutnilai dikira, mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan harta berkenaan.

Bangunan	02%
Alat Komputer	10%
Loji, Jentera dan Alatan Besar	15%
Perabut dan Kelengkapan Pejabat	20%
Alatan Pejabat	20%
Kenderaan Pejabat	20%
Lain-lain Harta	20%

d) SYARIKAT ANAK/BERSEKUTU

Pelaburan dalam syarikat berkaitan dinyatakan pada kaedah kos selepas ditolak (jika bersesuaian) peruntukan rosotnilai. Syarikat-syarikat di mana Perbadanan mempunyai lebih dari 50% dari modal ekuiti adalah ditafsirkan sebagai Syarikat Anak dan di mana kepentingan Perbadanan 50% ke bawah dari modal ekuiti sebagai Syarikat Bersekutu.

e) KERJA-KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Ini merupakan kos tanah dan perbelanjaan langsung yang terlibat untuk projek-projek pembangunan harta dan termasuk bayaran faedah ke atas pinjaman yang diperolehi untuk membayai projek-projek tersebut.

f) PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

Keuntungan/kerugian kasar satu-satu projek yang telah dijual diambil kira setelah bayaran kemajuan projek berkenaan meningkat 50%. Semua pendapatan lain diiktiraf pada asas akru.

g) PENGECUALIAN CUKAI

Perbadanan telah dikecualikan dari pembayaran cukai pendapatan bagi tahun-tahun tafsiran 1991 hingga 1996.

h) BARANG NIAGA

Barang niaga merupakan rumah/kedai yang telah siap dibina dan dinilaikan pada kos. Kos termasuk kos bahan binaan, tenaga buruh dan kos pasti pembangunan wajar mengikut takat penghabisan yang telah dicapai.

	1992 (RM)	1991 (RM)
3.01. Akaun Semasa BBMB	3,458,353	608,402
3.02. Akaun Semasa PHB	300	98
3.03. Akaun Semasa (Unit Pelancongan PKINK)	31,566	31,566
3.04. Akaun Semasa MBB	205,349	100,077
	<hr/> 3,695,568	<hr/> 740,143
4. SIMPANAN BERJANGKA	1992 (RM)	1991 (RM)
Di simpan Dalam Bank & Institusi	15,745,000	6,945,00
Tolak Peruntukan Hutangragu (CCB)	(1,000,000)	(1,000,000)
	<hr/> 14,745,000	<hr/> 5,945,00

Simpanan berjangka berjumlah RM1,195,000 telah dicagarkan kepada beberapa buah bank untuk kemudahan jaminan yang dikeluarkan kepada Syarikat-syarikat Anak seperti berikut:

Syarikat Pemborong PKINK	RM 0.500 juta (MBB)
Kelkon Sdn. Bhd.	RM 0.395 juta (BBMB)
Tenaga Nasional Bhd.	RM 0.300 juta (MBB)

5. PORTFOLIO PELABURAN	KOS	NILAI PASARAN 1992	KOS	PASARAN 1991
5.1. Long Huat Timber Bhd - 3,400,000 unit	7,310,000	7,480,000	7,310,000	7,378,000
5.2. Bolton Properties Bhd - 130,66 unit - 32,666 unit - 17,334 unit - 32,666 unit (bonus)	235,199 65,332 34,668 -	237,812 59,452 63,096 118,904	235,199 65,332 34,668 -	246,959 61,739 32,761 61,739
5.3. Edaran Otomobil Nasional Berhad - 100,000 unit - 50,000 unit	- -	- -	430,000 -	685,000 342,500
5.4. MWE Holdings Bhd - 500 unit	1,050	1,900	190,050	199,100
5.5. Far East Holding Bhd - 500,000 unit	800,000	750,000	800,000	805,000
5.6. Tenaga Nasional Berhad - 67,000 unit	646,455	666,650	-	-
5.7. CHG Industries Berhad	192,287	190,000	-	-
	9,284,991	9,567,814	9,065,249	9,812,798

6. SIBERHUTANG PERNIAGAAN

6.1. Penyewa Bangunan	1,468,897	1,524,629
6.2. Pembeli-pembeli Rumah Kediaman, kedai & kilang	471,238	956,903
6.3. Penyewa Bengkel	22,291	22,291
6.4. Pembalak-pembalak	1,015,631	1,096
6.5. Pembeli-pembeli Rumah Pangsa	466,065	294,408
	3,444,122	2,799,327
Tolak Peruntukan Hutangragu	(720,857)	(720,857)
	2,723,265	2,078,470

7. JUMLAH TERHUTANG OLEH SYARIKAT ANAK/BERSEKUTU	1992 (RM)	1991 (RM)
7.1. Perusahaan Tembakau Kelantan Sdn. Bhd.	1,149,588	1,269,767
7.2. Kijang Kuari Sdn. Bhd.	1,066,730	1,005,872
7.3. Permodalan Kelantan Berhad	3,183,092	588,106
7.4. Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	(559,677)	621,341
7.5. Kelantan Baja Corporation	1,086,992	1,089,066
7.6. Kelkon Sdn. Bhd.	2,074,221	3,163,079
7.7. Syarikat Pemborong PKINK Sdn. Bhd.	143,284	5,813
7.8. Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd.	1,791,946	1,327,759
7.9. Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd.	104,683	103,380
7.10. Kelma Sdn. Bhd.	1,181,520	180,602
7.11. Hotel Perdana Sdn. Bhd.	516,435	299,594
7.12. Prokel Management Sdn. Bhd.	483,086	483,479
7.13. Stong Development Sdn. Bhd.	76,926	77,848
7.14. PKB - MMC Sdn. Bhd.	258,114	258,114
7.15. Perdana Resort Sdn. Bhd.	7,712,545	10,233,969
7.16. Proclean Services Sdn. Bhd.	927	1,293
7.17. Kleartex Sdn. Bhd.	200	200
7.18. Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.	578,364	543,192
	20,848,976	21,252,474
Tolak Peruntukan Hutangragu	(1,186,130)	(1,186,130)
	19,662,846	20,066,344

8. PINJAMAN KEPADA ANAK SYARIKAT

NAMA SYARIKAT	TUNGGAKAN PINJAMAN 31.12.1992	BAKI PINJAMAN JANGKA PANJANG 31.12.1992
1. Sungai Terah Sdn. Bhd.	43,645,565	20,109,502
2. Perusahaan Tembakau Kelantan	1,014,059	
3. Binaraya (Harga Tanah Projek USM)		2,270,907
4. Permodalan Kelantan Berhad	34,555	
5. Hotel Perdana (Tambahan)	-	4,575,000
Jumlah	44,694,179	26,955,409

9. BARANGNIAGA (RUMAH/KEDAI SIAPBINA)

	1992 (RM)	1991 (RM)
9.1. Rumah Kedai Buluh Kubu (72 unit)	9,821,241	9,821,741
9.2. Rumah Kedai Kuala Krai (5 unit)	330,637	330,637
9.3. Rumah Kedai Taman Mekasar (6 unit)	131,462	131,462
9.4. Rumah Kedai Taman Maktab (6 unit)	524,727	524,727
9.5. Rumah Kedai Pasir Puteh (43 unit)	1,005,088	1,005,088
9.6. Rumah Kedai Machang (36 unit)	243,231	243,321
9.7. Rumah Kedai Kawasan Industri Tanah Merah (16 unit)	1,298,578	1,298,578
9.8. Rumah Kedai Baung, Pengkalan Chepa (2 unit)	209,014	209,014
9.9. Rumah Kedai Taman Sri Tambahan (7 unit)	333,529	333,529
9.10. Rumah Kedai Desa Darulnaim (19 unit)	2,740,000	2,740,000
9.11. Rumah Kedai Tanjung Chat (21 unit)	1,329,250	1,329,250
9.12. Rumah Teres Kawasan Industri Tanah Merah Fasa 1A (68 unit)	1,227,816	1,227,816
9.13. Rumah Teres Padang Tembak (164 unit)	2,021,786	2,021,786
9.14. Rumah Teres Kawasan Industri Tanah Merah Fasa 1B (34 unit)	881,096	881,096
9.15. Rumah Teres Desa Darulnaim (3 unit)	246,000	246,000
9.16. Rumah Banglo Desa Darulnaim (9 unit)	394,000	394,000
9.17. Rumah Teres Desa Darulnaim (2 unit)	100,000	100,000
9.18. Bengkel Tanah Merah (32 unit)	222,725	222,725
9.19. Rumah Banglo Tanjung Chat (31 unit)	261,274	260,809
9.20. Rumah Kedai Pengkalan Chepa (9 unit)	144,601	144,601
9.21. Bengkel Tanah Merah (14 unit)	279,253	279,253
	23,745,308	23,745,343

		1992 (RM)	1991 (RM)
10. LAIN-LAIN SIBERHUTANG			
10.1. Jabatan Hasil Dalam Negeri		1,130,211	1,001,286
10.2. Faedah Simpanan Tetap Diakru		118,062	64,872
10.3. Unit Pelancongan PKINK		-	257,009
10.4. Sungai Ketil		173,932	-
10.5. Camaros Sdn. Bhd.		240,000	240,000
10.6. Lain-lain		68,434	108,075
		1,730,639	1,671,242
11. KERJA-KERJA DALAM PEMBANGUNAN (JUALAN)			
11.1. Lot Kosong Tanah Merah (Mukim MAKA)		290,280	290,280
11.2. Perumahan Teluk Baru Fasa 2		760,381	760,381
11.3. Perumahan Tanjung Chat (86 unit)		3,746,561	3,026,611
11.4. Kolam Oksidasi, Pengkalan Chepa II		1,416,789	1,416,789
11.5. Projek Desa Kemumin (299 unit)		8,125,050	4,730,966
11.6. Banglo Tanah Merah (Lot Kosong)		71,051	71,051
11.7. Rumah Teres Tanah Merah Fasa 2		1,401,675	1,401,675
11.8. Rumah Kedai Pengkalan Chepa II (36 unit)		35,169	35,169
11.9. Kawasan Industri Kemubu		130,393	130,393
11.10. Rumah Kedai Buluh Kubu Seksyen 8 (7 unit)		1,624,229	1,238,908
11.11. Taman Wira - Desa Kemumin (242 unit)		11,299,568	2,618,586
11.12. Perumahan Rumah Murah Kemumin		299,650	460,653
11.13. Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa		61,144,562	65,586,713
11.14. Kawasan Perindustrian Gua Musang		11,234,928	10,273,580
11.15. Kawasan Perindustrian Tanah Merah		2,448,251	1,100,750
11.16. Kawasan Perindustrian Jeli		14,914	14,914
11.17. Projek Perumahan Lot 3674/5 (Mukim MAKA)		4,042	-
		104,047,493	93,157,419

Tolak :

Peruntukan Pembaikian	(4,200)	-
	104,043,293	93,157,419

12. PELBAGAI PERBELANJAAN TERDAHULU	1992 (RM)	1991 (RM)
12.1. Tanah Perlombongan Emas Pulai, Gua Musang	2,553,070	2,553,070
12.2. Pengurusan Rumah Pangsa	12,730	12,697
12.3. Pertaruhan Carigali	5,764	5,764
12.4 Projek Sutera	103,943	103,943
12.5. Projek Ubi Kentang	183,765	144,976
12.6. Strata Title, Rumah Pangsa	62,100	62,100
12.7. Projek Rotan	502,364	376,277
12.8. Projek Udang Harimau	1,596,261	932,212
12.9. Projek Buah-buahan, Sungah Chewah	41,150	41,150
12.10. Projek Buah-buahan Pos Blau	21,050	21,050
12.11. Ternakan Ketam	89,461	62,139
12.12. Perbelanjaan R & D	50,669	23,762
12.13. Deposit Senggaraan Jalan Perumahan Tanjung Chat (86 unit)	10,000	10,000
12.14. Rumah Pangsa, Wakaf Siku	14,196	14,196
12.15. Rumah Kedai, Wakaf Siku (2 unit)	8,456	8,456
12.16. Pembangunan Semula Buluh Kubu	32,228	32,228
12.17. Rumah Kedai Depan Masjid	2,350	2,350
12.18. Pembaharuan Bandar Kota Bharu	10,110	10,110
12.19. Rumah Kedai Pasir Puteh Fasa 2	590	590
12.20. Rumah Kedai Machang Fasa 2 (8 unit)	3,235	3,235
12.21. Rumah Kedai Tanah Merah (86 unit)	7,031	7,031
12.22. Rumah Kedai Gua Musang	1,583	1,583
12.23. Bazaar Gua Musang	73,250	73,250
12.24. Rumah Teres Pengkalan Chepa II (93 unit)	184,766	184,766
12.25. Condo - Panji (12 unit)	11,021	11,021
12.26. Rumah Pangsa, Pengkalan Chepa	108	108
12.27. Rumah Teres Lot 1695 (11 unit)	1,352	1,352
12.28. Rumah Teres, Jalan Bayam (2 unit)	1,876	1,876
12.29. Rumah Kedai	3,926	3,926
12.30. Desa Batik, Tumpat	123,313	123,313
12.31. Lain-lain	14,950	9,838
12.32. Projek Buah-buahan	20,691	-
12.33. Projek Ladang Rakat	12,645	-
12.34. Projek Orkid	50,527	-
12.35. Penetasan Udang Harimau	607	-
12.36. Pertanian Bersepadu	1,656	-
12.37. Ternakan Ketam (Kolam)	6,040	-
	5,818,834	4,838,369

13. PINJAMAN DENGAN KERAJAAN PUSAT

	NAMA PROJEK	TUNGGAKAN PINJAMAN 31.12.1992	BAKI PINJAMAN JANGKA PANJANG 31.12.1992
1.	Pelancaran Projek-projek Bangunan Di Kota Bharu	180,587.05	0.00
2.	Pembaharuan Bandar Kota Bharu	848,459.16	0.00
3.	Pembaharuan Bandar K. Bharu (Tambah)	207,208.11	0.00
4.	Tanah Hotel Kesina	741,952.92	836,645.53
5.	Tanah Di Bandar Kota Bharu (12j)	4,649,964.334	6,178,263.12
6.	Bangunan Hotel Kesina	1,056,108.01	1,171,309.47
7.	Hotel Perdana	5,544,222.60	5,653,946.33
8.	Kompleks Sukan Hotel Perdana	3,013,293.29	5,311,183.66
9.	Rumah Pangsa Jalan Bayam	921,404.04	817,055.46
10.	Bangunan PKINK	1,840,393.90	3,353,510.96
11.	Kompleks Menara Seksyen 9	13,179,966.57	17,366,059.05
12.	Rumah Eksekutif dan Kilang	1,659,124.55	406,494.88
13.	Kawasan Industri Pengkalan Chepa II	21,682,289.48	0.00
14.	Kawasan Industri Kemubu	520,417.93	1,571,605.60
15.	Ladang Sungah Terah I	29,126,862.90	0.00
16.	Ladang Sungah Terah II	16,897,529.92	10,102,746.64
17.	Ladang Sg. Terah - Kilang SMR	7,038,792.84	1,619,305.00
18.	Ladang Sungai Terah III	2,207,979.42	4,650,012.15
19.	Ladang Sungai Terah V	6,682,608.10	9,256,371.58
20.	Ekuiti KPK	3,438,115.76	0.00

21.	Pinjaman Semula KPK	2,068,855.51	5,544,527.05
22.	Tambahan Ekuiti KPK	2,133,920.38	4,868,820.68
23.	Ekuiti Permodalan Kelantan Bhd.	8,274,948.61	5,431,593.10
24.	Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	6,812,126.48	0.00
25.	Ekuiti Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	804,845.11	0.00
26.	Pelaburan Dalam Anak Syarikat	915,334.09	1,076,386.64
27.	Ekuiti Perusahaan Tembakau	3,582,720.20	0.00
28.	Rumah Kedai Belakang Hotel Temenggong	4,647,492.56	0.00
29.	Bazaar Buluh Kubu	1,781,492.52	6,080,478.73
30.	Kawasan Perusahaan Pengkalan Chepa II	1,553,850.47	5,925,822.66
31.	Kawasan Perusahaan Pengkalan Chepa II	14,973,888.49	26,342,998.91
32.	Kawasan Industri Gua Musang	1,273,599.62	2,830,471.24
33.	Kawasan Industri Tanah Merah	856,449.88	1,494,021.94
34.	Tempat Letak Kereta	4,402,950.05	6,541,232.78
35.	Tempat Letak Kereta	778,692.17	444,858.90
36.	Rumah Kedai Buluh Kubu	4,518,990.74	0.00
37.	Ekuiti Italasia (KB)	2,730,207.72	0.00
38.	Rumah Kedai Parit Dalam	2,696,992.61	0.00
39.	Kawasan Industri Gua Musang	184,735.34	3,000,000.00
40.	Kilang Pengkalan Chepa II	341,396.77	778,603.23
41.	Rumah Kedai Sultanah Zainab Seksyen 9	4,165,951.53	0.00
		190,936,721.73	138,654,325.29

14. PINJAMAN DENGAN KERAJAAN NEGERI (TIDAK DIKENAKAN FAEDAH)

	NAMA PROJEK	TUNGGAKAN PINJAMAN 31.12.1992	BAKI PINJAMAN JANGKA PANJANG 31.12.1992
1.	Kawasan Parit Dalam	305,324.20	1,679,283.10
2.	Tanah Seksyen 6 & 9	433,091.86	6,063,286.12
3.	Tanah Seksyen 16	1,192,728.52	3,337,679.48
4.	Tanah TRH, Seksyen 16	4,155,999.96	6,234,000.04
5.	Tanah Seksyen 16	22,699.32	62,340.68
6.	Tanah Pantai Irama	91,702.38	137,553.64
7.	Tanah Seksyen 9	3,784.00	52,976.00
8.	Kawasan Industri Tanah Merah	114,369.92	629,034.66
9.	Kawasan Industri Tanah Merah	136,947.24	376,604.91
10.	Desa Batik Tumpat	200,822.40	552,261.60
11.	Tanah Lot L/Kereta Bertingkat	2,326,898.52	5,235,520.72
12.	Tanah Perumahan USM	4,614,996.44	0.00
13.	Tanah Perumahan Sungai Durian	83,840.00	230,560.00
14.	Tanah Projek Buluh Kubu	62,828.90	408,387.86
15.	Tanah P.C.B.	0.00	1,483,711.00
16.	Projek Buluh Kubu	35,333.32	229,666.68
	Jumlah	13,781,336.98	26,712,866.49

15. PERTARUHAN DAN PENDAHULUAN DITERIMA

		1992 (RM)	1991 (RM)
15.1 Wang Pertaruhan			
15.1.1. Rumah Kedai		16,100	86,100
15.1.2. Kawasan Perindustrian		175,797	115,797
15.1.3. Kawasan Pembalakan		18,089,528	12,988,502
15.1.4. Tender		49,631	42,131
15.1.5. Cengkeram Sewa		1,562,112	1,458,312
15.1.6. Tapak Kilang Simen		150,000	150,000
15.1.7. Tapak Lubok Bongor		210,516	210,516
15.1.8. Pelbagai (Italasia)		122,542	122,542
15.1.9. Tanah B/Tanjung		12,034	-
15.1.10. Tanah SEREM		56,800	-
15.1.11. Lain-lain		546,155	625,471
		20,991,251	15,799,371
15.2 Pendahuluan Bayaran Kemajuan Projek			
15.2.1. Tanah Belakang Hotel Temenggong		26,230	26,230
15.2.2. Bengkel Tanah Merah		229,182	229,182
15.2.3. Lot Kosong R/Teres T/Merah (41 lot)		125,921	125,921
15.2.4. Lot Kosong Mukim MAKA (29 lot)		406,000	406,000
15.2.5. Rumah Teres Padang Tembak		998,688	194,102
15.2.6. Rumah Banglo Tanjung Chat		201,780	11,910
15.2.7. Rumah Teres Tanah Merah (34 unit)		46,200	46,200
15.2.8. Lot Banglo (kosong) Tanah Merah		252,666	252,666
15.2.9. Rumah Kedai Taman Sri (7 unit)		69,474	69,474
15.2.10. Rumah Kedai Peng. Chepa (9 unit)		201,200	62,000
15.2.11. Rumah Kedai Seksyen 9 (9 unit)		-	500
15.2.12. Perumahan TNB, Jeli		69,540	-
15.2.13. Kawasan Perindustrian Peng. Chepa		7,655,049	11,185,462
15.2.14. Kawasan Perindustrian Jeli		15,628	-
15.2.15. Kawasan Perindustrian Gua Musang		6,520,197	5,838,501
15.2.16. Kawasan Perindustrian Tanah Merah		360,695	301,126
15.2.17. Rumah Teres Tanjung Chat (86 unit)		223,002	18,000
15.2.18. R/Teres Desa Kemumin (299 unit)		442,671	181,770
15.2.19. Rumah Teres Taman Wira (242 unit)		12,376,000	1,446,000
15.2.20. Tanah Pulau Cendor		720,000	480,000
15.2.21. Rumah Kedai Tanah Merah (68 unit)		(25)	(25)
15.2.22. Rumah Kedai Kuala Krai (5 unit)		176,486	-
		31,116,584	20,875,019
Jumlah (15.1 + 15.2)		52,107,799	36,674,390

16. PELABURAN MODAL

	Kos Pelaburan (RM)	Peruntukan Rosotnilai Pelaburan (RM)	Kos Pelaburan Selepas Rosotnilai (RM)
--	--------------------	--------------------------------------	---------------------------------------

16.1. Syarikat Anak (1992)

16.1.1. Permodalan Kelantan Berhad	24,907,227	-	24,907,227
16.1.2. Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.	19,517,441	-	19,517,441
16.1.3. Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd.	9,999,998	-	9,999,998
16.1.4. Hotel Perdana Sdn. Bhd.	12,518,000	-	12,518,000
16.1.5. Kelantan Baja Corporation Sdn. Bhd.	665,197	(665,196)	1
16.1.6. Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd.	300,000	(299,999)	1
16.1.7. Usaha Niaga Kelantan Sdn. Bhd.	1,325,000	(1,324,999)	
16.1.8. Perikanan Tumpat Sdn. Bhd.	1	-	1
16.1.9. Peruda Negeri Kelantan Sdn. Bhd.	1	-	1
16.1.10. Italasia (KB) Sdn. Bhd.	1	-	1
	69,232,866	2,290,194	66,942,672

16.2. Syarikat Bersekutu (1992)

16.2.1. Kijang Kuari Sdn. Bhd.	1,372,000	-	1,372,000
16.2.2. Kelkon Sdn. Bhd.	510,798	-	510,798
16.2.3. Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	855,400	-	855,400
16.2.4. Perusahaan Tani Kelantan Sdn. Bhd.	1	-	1
16.2.5. Argotex Sdn. Bhd.	2	-	2
	2,738,201	0	2,738,201

Jumlah : (16.1. + 16.2)

71,971,067	2,290,194	69,680,873
------------	-----------	------------

16.3. Syarikat Anak (1991)

16.3.1. Permodalan Kelantan Bhd.	24,907,227	-	24,907,227
16.3.2. Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.	19,517,441	-	19,517,441
16.3.3. Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd.	9,999,998	-	9,999,998
16.3.4. Hotel Perdana Sdn. Bhd.	10,918,000	-	10,918,000
16.3.5. Kelantan Baja Corporation	665,197	(665,196)	1
16.3.6. Kraftangan Kel. Sdn. Bhd.	300,000	(299,999)	1
16.3.7. Usaha Niaga Kelantan Sdn. Bhd.	1,325,000	(1,324,999)	1
16.3.8. Perikanan Tumpat Sdn. Bhd.	1	-	1
16.3.9. Peruda Negeri Kel. Sdn. Bhd.	1	-	1
16.3.10. Italasia (KB) Sdn. Bhd.	1	-	1
	67,632,866	(2,290,194)	65,342,672

16.4. Syarikat Bersekutu (1991)

16.4.1.	Kijang Kuari Sdn. Bhd.	1,372,000	-	1,372,000
16.4.2.	Kelkon Sdn. Bhd.	510,798	-	510,798
16.4.3.	Binaraya PKINK Sdn. Bhd.	855,400	-	855,400
16.4.4.	Perusahaan Tani Kelantan Sdn. Bhd.	1	-	1
16.4.5.	Argotex Sdn. Bhd.	2	1	2
		2,738,201	0	2,738,201
	Jumlah (16.3 + 16.4)	70,371,201	(2,290,194)	68,080,873

17. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (HARTA)

		1992 (RM)	1991 (RM)
17.1.	Kompleks Kediaman & Rekreasi, Panji	540,405	540,405
17.2.	Hotel Perdana Tambahan	483,317	483,317
17.3.	Kilang Siapbina, Tanah Merah	262,784	107,600
17.4.	Kompleks Perkedaian Seksyen 9, Fasa 6	50,486	50,486
17.5.	Taman Rekreasi, Taman Sekebun Bunga	98,072	98,072
17.6.	Kilang Siapbina Peng. Chepa II Fasa 2 (6 unit)	3,504,297	2,892,261
17.7.	Rumah Kedai Seksyen 9, MAIK (8 unit)	1,386,899	1,214,722
		6,326,260	5,386,863

18. HARTA TETAP	KOS (RM)	SUSUTNILAI TERKUMPUL (RM)	NILAI BUKU BERSIH (RM)	SUSUTNILAI DIKENAKAN (RM)
Tahun 1992				
Tanah Milik Kekal	27,126,882	-	27,126,882	-
Tanah Pajakan	25,936,665	-	25,936,665	-
Bangunan	78,522,437	9,087,280	69,435,157	1,612,463
Loji, Jentera dan Alatan Besar	1,536,204	1,282,445	253,759	75,042
Perabut dan Kelengkapan Pejabat	710,548	678,721	31,827	5,793
Alatan Pejabat	225,223	173,115	52,108	27,628
Kenderaan Pejabat	365,434	270,148	95,286	19,653
Lain-lain Harta Tetap	379,993	354,000	25,993	5,249
Harta Tetap Unit Pelancongan	431,701	351,004	80,697	-
	135,235,087	12,196,713	123,038,374	1,745,828
Tahun 1991				
Tanah Milik Kekal	27,126,882	-	27,126,882	-
Tanah Pajakan	25,716,775	-	25,716,755	-
Bangunan	81,084,329	7,671,522	73,412,807	1,525,718
Loji, Jentera dan Alatan Besar	1,891,391	1,595,449	295,942	64,325
Perabut dan Kelengkapan Pejabat	675,336	673,545	1,791	37,653
Alatan Pejabat	215,324	145,488	69,836	23,839
Kenderaan Pejabat	306,264	250,495	55,769	18,741
Lain-lain Harta Tetap	607,633	576,390	31,243	25,197
Harta Tetap Unit Pelancongan	431,491	325,634	105,857	-
	138,055,405	11,238,523	126,816,882	1,695,473

19. SIBERHUTANG BERJANGKA RUMAH PANGSA

Ini merupakan baki harga yang belum matang untuk pembeli-pembeli rumah pangsa bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 1992 di mana mereka dibenarkan membayar secara ansur selama 17 tahun bermula dari tahun 1979 hingga 1995 mengikut perjanjian jualbeli secara hire-purchase.

20. KEUNTUNGAN KASAR JUALAN PROJEK PEMBANGUNAN

	1992 (RM)	1991 (RM)
20.1. Pembaharuan Bandar	2,245,581	1,199,716
20.2. Rumah Kedai	-	57,925
20.3. Perumahan	-	575,245
20.4. Kawasan Perindustrian	(1,272,591)	337,501
20.5. Projek Tanah	1,851,829	1,207,910
20.6. Lain-lain	-	-
	2,824,819	3,378,297

21. BELANJA MENGURUS

21.1. Gaji dan Emolumen	2,902,913	2,129,638
21.2. Perjalanan, Tambang & Penginapan	76,422	98,733
21.3. Cukai dan Royalti	1,050,214	1,046,063
21.4. Perhubungan	95,752	68,812
21.5. Utiliti	869,250	695,814
21.6. Kos Sewaan	32,556	35,477
21.7. Alat tulis dan Percetakan	66,175	52,555
21.8. Baiki dan Senggaraan Harta	512,942	530,330
21.9. Yuran Pengurusan	180,000	180,000
21.10. Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	634,909	561,372
21.11. Komisyen Sewa dan Jualan Projek	335,697	403,677
21.12. Kursus dan Latihan	44,324	32,347
21.13. Belanja-belanja lain	244,181	272,971
	7,045,335	6,107,789

	1992 (RM)	1991 (RM)
22. BELANJA KEWANGAN		
22.1. Faedah Pinjaman Kerajaan	5,937,092	6,914,060
22.2. Perkhidmatan Bank	2,075	19,470
22.3. Faedah Simpanan Anak Syarikat	31,870	61,970
22.4. Lain-lain	-	-
	5,971,037	6,995,500
23. SUSUTNILAI		
23.1. Bangunan	1,612,463	1,525,718
23.2. Loji, Jentera & Alatan Pejabat	64,662	64,325
23.3. Perabut & Kelengkapan Pejabat	5,793	37,653
23.4. Alatan Pejabat	27,628	23,839
23.5. Kenderaan Pejabat	19,653	18,741
23.6. Sistem Komputer	10,380	8,038
23.7. Harta-harta lain	5,249	17,159
	1,745,828	1,695,743
24. HAPUSKIRA PENDAHULUAN		
24.1. Kelantan Baja Corporation	-	1,082,838
24.2. Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd.	-	103,292
24.3. Unit Memproses Makanan Ringan	-	71,816
	0	1,257,946
25. HUTANG RAGU		
25.1. Simpanan Tetap (CCB)	450,000	200,000
25.2. Sewa Kilang	-	-
25.3. Sewa Bengkel	-	-
25.4. Sewa Rumah Kedai/Kediaman	-	-
	450,000	200,000

26. ROSOT NILAI PELABURAN

	1992 (RM)	1991 (RM)
26.1. Syarikat Kelantan Baja Corporation Sdn. Bhd.	-	115,415
26.2. Syarikat Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd.	-	299,999
	0	415,414

27. PELARASAN TAHUN KEBELAKANGAN

Ini merupakan:-

(i) Mengambilkira dividen (35%) yang terkurang diakaunkan	16,823	-
(ii) Peruntukan susutnilai bangunan yang terkurang diambilkira	(96,102)	-
(iii) Mengambil cukai pembangunan	(12,007)	-
	(91,286)	0

28. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Perbadanan telah mencagar hartanya. Bangunan Hotel Murni kepada Bank Bumiputra (M) Bhd. bagi kemudahan overdraf untuk Syarikat Usahaniaga Kelantan Sdn. Bhd. dan jaminan-jaminan lain untuk syarikat yang mana kesemuanya berjumlah lebih kurang RM 500,000.00.

29. ANGKA BANDINGAN

Beberapa angka bandingan telah disusun semula untuk menunjukkan perbandingan yang sesuai dengan susunan tahun ini.

